

Tarikh dibaca: 06 Ogos 2021M | 27 Zulhijjah 1442H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“COVID-19 ELAKKAN BICARA TANPA PAHALA”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“COVID-19 ELAKKAN BICARA TANPA PAHALA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلِمَ
وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ²

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Khutbah kali ini bertajuk **“COVID-19 ELAKKAN BICARA TANPA PAHALA.”**

¹ Al-Nisa' : 148.

² Ali Imran : 102.



Muslimin yang berbahagia,

Dalam suasana yang tidak menentu kini akibat pandemik Covid-19 dan pelbagai ancaman lain yang sedang meragut kebahagiaan kemanusiaan, terlalu banyak unsur-unsur negatif yang muncul dan memberi kesan kepada perwatakan manusia. Ada yang menghadapi konflik diri, nilai, kekeluargaan dan persahabatan. Juga konflik pendapatan yang turut membelenggu hidup hingga ada yang terpaksa hidup melarat. Tuntutan Standard of procedure (SOP) pandemic Covid-19 yang antaranya berteraskan jarak berkomunikasi, sedikit sebanyak memberi kesan agak besar bukan sahaja kepada corak dan bentuk perhubungan, malah yang lebih besar dari itu ialah tertib lisan dan fizikal juga kadangkala mencerminkan kita semua hidup dalam tekanan yang bersangatan sifatnya. Namun begitu, bagi Manusia yang celik akalnya akan menjadikan modal 'masa' yang diberikan oleh Allah SWT memperbaiki kekurangan yang ada dalam hidupnya. Ini kerana dunia ini tidak lama. Masa yang berbaki tinggal sedikit. Tanda-tanda akhir zaman saat untuk dikiamatkan oleh Allah sudah terlalu hampir dan telahpun ditunjukkan oleh Allah SWT tetapi kita masih lagi dengan perangai yang lama, seolah-olah kita tidak akan mati.

Oleh itu, lakukanlah amal soleh sebaik mungkin. Masa yang ada dan yang akan datang itu sewajarnya dimanfaatkan. Carilah reda Allah SWT. Kita tidak tahu bila masa kita bakal berjumpa Allah. Amalan kita sedikit, maksiat kita banyak. Kita habiskan umur kita dalam keadaan sia-sia. Manfaatkan diri kita yang masih wujud termasuk lidah kita. Dengan lidah, kita mampu berzikir atau saling nasihat menasihati sehingga mampu menabung banyaknya ganjaran pahala. Namun sebaliknya juga dengan lidah mampu mengikis tabungan ganjaran pahala seseorang lalu menyeretnya ke neraka jika tidak dimanfaatkan ke arah kebaikan. Justeru itu kesedaran seseorang itu



terhadap fungsi dan bahaya lidah akan mendorong diri untuk menjaga lidah dengan ertikata lain tidak bercakap-cakap kecuali percakapannya itu bermanfaat yang akhirnya mendapat ganjaran di sisi Allah SWT.

Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَعْنِيهِ

"Sesungguhnya di antara kebaikan seseorang Islam itu ialah dia meninggalkan perkara yang tidak bermanfaat."

(Riwayat Al-Tirmizi) .

Hadirin sekalian,

Sesuatu yang tidak bermanfaat di dalam hadis ini boleh dimaksudkan berbentuk perkataan atau perbuatan, perkara yang haram ataupun makruh atau perkara yang harus yang tidak memberi manfaat. Justeru itu untuk menghindari dari bicara tanpa pahala ini hendaklah kita berusaha mengucapkan sesuatu yang mengandungi kebaikan-kebaikan. Kalau tidak mampu melaksanakannya? Maka berdiam diri, kerana itulah tindakan yang lebih bermakna sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ
لِيَصْمُتْ

"Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia mengucapkan sesuatu yang baik-baik, atau sebaliknya dia diam sahaja."



(*Riwayat al- Bukhari dan Muslim*).

Bicara tanpa pahala juga bererti mengungkap kata-kata yang dianggap keji dalam pertuturan seharian. Biasanya lafaz-lafaz yang berunsur carutan dan lucah, atau yang seumpamanya sama ada berbentuk sindiran atau lebih dahsyat lagi secara terus terang. Namun bagi orang yang beriman kepada Allah SWT, nescaya tidak akan tergamak melacurkan lidahnya dengan percakapan dan Bahasa-bahasa yang keji.

Hadis daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahu'anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَّانِ وَلَا اللَّعَّانِ وَلَا الْفَاحِشِ
وَلَا الْبَذِيءِ

"Tidaklah seseorang mukmin itu ialah orang yang banyak mencela, bukan yang banyak melaknat, bukan orang yang keji akhlaknya, dan bukan orang yang banyak berkata mencarut."

(*Riwayat Al-Tirmizi*).

Sebenarnya orang yang buruk sikapnya akan memandang buruk kepada orang lain. Sentiasa bersangka buruk kepada orang lain. Malah menganggap orang lain tidak ikhlas, ada kepentingan, nak popular dan sebagainya. Sebenarnya dia yang memiliki sifat-sifat buruk tersebut. Contoh yang berlaku dalam suasana Covid-19 ini ada orang tidak patuh arahan menghadkan bilangan jemaah dan Jumaat dengan menuduh pihak-pihak tertentu makan gaji buta, tak buat apa, jaga periuk nasi sendiri dan memang suka meninggalkan solat Jumaat.



Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Sesungguhnya bencana keburukan lidah itu jika diperincikan terlalu banyak seperti dusta, mengumpat, mengadu domba dan lain-lain lagi. Namun apa yang penting semua itu adalah angkara keburukan lisan. Kadangkala amat sukar untuk mengawal lisan agar kerap berbicara soal yang baik-baik sahaja, tetapi yakinlah jika hari demi hari lisan kita dididik, diasuh dan diajar berzikir, atau berselawat ke atas Nabi SAW, atau dibasahi dengan bacaan al-Quran, tidak mustahil akhirnya kita mampu menguasai kemahuan dan kehendak lisan, Betapa bertuahnya kita di saat itu, bibir menguntum senyum simpul kerana terbayangkan ganjaran dan keredaan Allah SWT ketika lisan sedang sibuk bertasbih, bertahmid dan bertakbir

Sesungguhnya tiada satu pun perkataan yang terzahir terlepas daripada catatan Allah. Tidak ada suatu kata yang diucapkannya melainkan ada di sisinya malaikat yang siap sedia mengawai dan mencatat segala-galanya sepertimana firman Allah SWT dalam surah Qaf ayat 18:

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾

“Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).”

Sesungguhnya bukan sahaja perkataan malah perbuatan yang menamsilkan perkataan seperti jari-jemari juga tidak lari dari pandangan Allah, catatan malaikat yang taat dan pertimbangan neraca Allah Taala di akhirat kelak yang akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada diri kita.



Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita hayati pengajarannya untuk dijadikan pedoman dalam hidup kita. Antaranya:

1. Umat Islam perlu menjaga tertib diri sepanjang pandemik Covid-19 ini dengan mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak pemerintah.
2. Umat Islam perlu jadikan lidah sebagai alat untuk menabung dan memperbanyakkan pahala dengan berselawat, berzikir atau berkata yang baik-baik sahaja.
3. Umat Islam hendaklah mengutamakan adab-adab dalam berbicara dan berkata-kata agar keharmonian hidup sepanjang menghadapi ujian Covid-19 ini terjaga dengan baik.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
﴿ لَا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّن نَّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ
النَّاسِ وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴾

“Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah atau berbuat kebaikan atau mendamaikan di antara manusia dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar.”

(Surah al-Nisa : 114).



بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi SOP dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid-19 demi keselamatan diri serta masyarakat.



Dalam kita berhadapan dengan wabak ini, janganlah kita mengambil jalan mudah dengan memudar dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.

Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ
وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعِينِ



عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
المُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَغْكُو اَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمَوْظُفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meniggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan



Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.
رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.